

09 SEP 1996

Samy-Jalan

MTD DIBENARKAN MULA BINA JALAN KEDUA KE CAMERON HIGHLANDS

CAMERON HIGHLANDS, 9 Sept. (Bernama) -- Syarikat MTD Construction Sdn Bhd telah diarah menyegerakan pembinaan jalan kedua ke Cameron Highlands antara Pos Slim di Perak dan Kampung Rajah di Pahang, kata Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini.

Katanya, pembinaan jalan sepanjang 50 km itu berharga RM300 juta dijadualkan siap dalam tempoh dua tahun. MTD mempunyai pengalaman luas membina jalan di kawasan berbukit seperti Lebuhraya Timur-Barat dan Lebuhraya Karak.

MTD baru-baru ini menunjukkan model cara jalan itu akan dibina termasuk beberapa buah jambatan bagi menghubungkan kawasan-kawasan berbukit untuk mengelak pemotongan bukit, katanya kepada pemberita selepas melawat tapak projek Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) di Kuala Terla, 10 km dari Tanah Rata hari ini.

Samy Vellu berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menyetujui model projek itu.

Kerajaan Perak yang merancang membangunkan Kinta Highlands di sempadan Pahang dan Kelantan, sudah menyiapkan pembinaan jalan sejauh 21 km antara Simpang Pulai ke Pos Slim kira-kira dua tahun lepas.

Menurutnya, dalam masa yang sama kerajaan dijangka membelanjakan RM110 juta bagi menaikkan taraf jalan antara Kampung Rajah ke Tanah Rata bagi melancarkan perjalanan lalulintas yang menggunakan jalan kedua itu ke bukit peranginan berkenaan.

Mengenai SRJK(T) Kuala Terla, Samy Vellu berkata sebuah bangunan baru 12 bilik darjah akan dibina di kawasan seluas kira-kira 0.2 hektar yang didermakan oleh pemilik tanah Encik Soony Long.

Kementerian Pendidikan sudah meluluskan peruntukan RM200,000 daripada RM450,000 kos projek itu, katanya.

Seramai 180 pelajar India di kawasan itu kini menumpang di bangunan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) (Bahagian Tamil) Kuala Terla dengan berkongsi guru dan gurubesar.

-- BERNAMA

LAT AHH